

Gerakan tidak berkecil hati dengan perwakilan Umno

BA 24/6/03

KUALA LUMPUR: Gerakan tidak berkecil hati dengan desakan perwakilan Umno Pulau Pinang yang mahu jawatan Ketua Menteri negeri itu dipegang orang Melayu.

Presidennya, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata sesiapa saja boleh menyuarakan pendapat dan soal memperolehnya itu adalah perkara lain.

"Kita adalah sebuah negara demokratik... kadang-kadang ada orang yang bersuara tidak mengikut apa yang kita atur melalui kongsi kuasa dalam Barisan Nasional (BN)," katanya selepas merasmikan majlis dialog antara pekilang minyak kelapa sawit di Hotel Pan Pacific di sini, semalam.

Lim bagaimanapun berkata, beliau berpuas hati dan berterima kasih dengan penjelasan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi BN berhubung isu yang dibangkitkan itu kerana mahu wakil Gerakan terus memegang jawatan Ketua Menteri Pulau Pinang.